

DIALEK NEGERI SEMBILAN DAN DIALEK UMUM BAHASA MELAYU: SUATU PERBANDINGAN DARI SUDUT FONOLOGI



MOHD. PILUS BIN YUNUS dilahirkan pada 1 Julai 1937 di Seri Menanti, Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan awal di kampungnya sendiri. Pada tahun 1953 beliau menjadi guru pelatih dan dari tahun 1954 hingga 1956 beliau berpeluang memasuki Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim, Perak. Di samping bertugas sebagai guru, beliau telah juga mengikuti Kuliah Tertulis dari Universitas Nasional Indonesia dan pada tahun 1973 beliau telah lulus Sarjana Muda Sastera. Pada tahun 1977 pula, beliau telah mendapat gelar Sarjana Sastera dari universiti yang sama, setelah berhasil mempertahankan tesisnya yang berjudul "Fungsi Hewan dalam Karya Sastera Malaysia".

DI MALAYSIA, Negeri Sembilan boleh dianggap sebagai satu kawasan yang mempunyai sifat-sifat yang tersendiri. Masyarakatnya mempunyai ciri-ciri bahasa atau dialek yang berbeza daripada bahasa Melayu yang 'standard'. Dialek Negeri Sembilan yang ada sekarang merupakan satu aspek budaya yang banyak dipengaruhi oleh dialek Minangkabau. Menurut sejarah, sebahagian besar penduduk Negeri Sembilan sekarang adalah keturunan orang-orang Minangkabau yang berhijrah ke beberapa kawasan dalam Semenanjung Malaysia, terutama Negeri Sembilan.

Salah satu unsur dialek Negeri Sembilan yang mendapat pengaruh dialek Minangkabau itu ialah bunyi vokalnya. Orang-orang Negeri Sembilan bertutur menggunakan dialek tersendiri. Perbezaan dialek Negeri Sembilan daripada dialek umum bahasa Melayu terletak pada sebutan kata-katanya.

Dalam dialek Negeri Sembilan, walaupun banyak terdapat ciri-ciri kesamaan, tetapi terdapat juga perbezaan atau kelainan cara pengucapan dialek dalam kelompok tertentu di negeri itu. Kelainan pengucapan tersebut dapat diperhatikan pada intonasi ayat. Walau bagaimanapun kelainan itu tidaklah memperlihatkan perbezaan ciri dialek tersebut kerana persamaannya lebih besar dan pemakai bahasa biasanya bersedia untuk mencari kesamaan

bagi memudahkan perhubungan. Perbezaan dialek ini adalah disebabkan oleh kelainan ciri pewujudan bunyi bahasa ketika diucapkan dengan ragam atau atribusi-atribusi tertentu yang memberikan ciri-ciri tertentu pula kepada dialek tersebut.

1. BUNYI UCAP

SEKALI imbas ketika mendengar orang bertutur dengan dialek Negeri Sembilan, kita akan memikirkan bahawa mereka sedang menggunakan suatu bahasa yang tersendiri. Kita sukar menentukan adakah yang diucapkan itu bahasa Melayu atau bukan kerana bunyi yang dilahirkan berlainan dengan bunyi bahasa Melayu yang standard. Tambahan pula dialek itu diucapkan oleh sesama pengguna dialek yang menjadikannya sebagai alat komunikasi mereka sehari-hari. Tanggapan itu meleset sekali kerana sebenarnya bahasa yang digunakan mereka adalah bahasa Melayu tapi dialeknya saja yang berlainan. Dialek Negeri Sembilan itu dapat dianggap sebagai sub-dialek kepada dialek umum bahasa Melayu standard itu sendiri.¹ Dialek Negeri Sembilan itu sendiri mempunyai sub-dialek yang agak banyak jumlahnya. Perbezaan itu jelas kepada kita apabila kita mendengar bunyi dialek di desa yang berbeza pula dengan dialek di bandar besar di Negeri Sembilan.

Hubungan dialek Negeri Sembilan dengan dialek umum bahasa Melayu standard dapat dilihat daripada penyesuaian yang dilakukan oleh pengguna-pengguna dialek Negeri Sembilan apabila berkomunikasi dengan pengguna-pengguna dialek lain. Kalau kita mendatangi kota-kota yang biasa didatangi oleh orang-orang yang menggunakan dialek lain, misalnya orang dari Kelantan, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Melaka dan lain-lain, masing-masing orang itu akan menggunakan dialek yang sama sekali berbeza dengan dialek desa mereka. Setiap orang dalam kota itu tidak bertutur dalam dialek asli mereka, tetapi mereka menggunakan suatu dialek yang berbeza sedikit daripada dialek desa mereka, supaya orang lain dalam kota itu dapat mengerti. Orang yang diajak bertutur biasanya meniru orang lain bertutur supaya pertuturannya juga dapat dimengerti oleh orang lain. Inilah peringkat pertama terjadinya dialek umum bahasa Melayu atau bahasa Melayu standard.²

Bahasa Melayu standard itu mempunyai sifat-sifat:

- i) Tidak sama dengan mana-mana dialek daerah di Malaysia dan sudah tentu jauh berbeza dengan dialek desa. Bahasa Melayu Standard adalah di atas segala dialek tersebut.

¹Sharman Abu, "Sistem Bunyi Konsonan dalam Dialek Negeri Sembilan", Majalah *Dewan Bahasa*, Jil. XVIII, Bil. 6, Jun 1974, hal. 285.

²Ors. Lutfi Abas, M.A., *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hal. 104-106.

- ii) Bunyi-bunyi bahasa Melayu standard ini adalah bunyi-bunyi yang sederhana yang dapat diucapkan oleh setiap orang Melayu di Malaysia. Kontoid [ɤ] seperti dalam [ɤmai] dalam kata *ramai* bukanlah bahasa standard, kerana tidak semua dialek mempunyai kontoid itu kecuali kata itu diterima dari kata pinjaman. Demikian juga bunyi-bunyi dari kata-kata asing yang diterima ke dalam bahasa Melayu, seperti:

Kontoid	[ɔ]	seperti kata	<i>dharab</i>
Kontoid	[ɵ]	seperti kata	<i>thalatha</i>
Kontoid	[z]	seperti kata	<i>uzur</i>
Kontoid	[z]	seperti kata	<i>zohor</i>

Kata-kata tersebut tidaklah merupakan bahasa standard kerana sukar diucapkan oleh orang-orang Melayu. Oleh itu kontoid-kontoid tersebut telah disesuaikan dengan bunyi pengucapan standard, iaitu:

<i>dharab</i>	menjadi	<i>darab</i>	;	<i>thalatha</i>	menjadi	<i>selasa</i>
<i>udzur</i>	menjadi	<i>uzur</i>	;	<i>zohor</i>	menjadi	<i>luhor</i>

- iii) Intonasi bahasa Melayu standard agak datar-rata dan sederhana, mudah dituturkan oleh semua pengguna bahasa Melayu termasuk orang-orang bukan Melayu.
- iv) Aturan-aturan morfemik dan sintaktik juga berbeza. Pada umumnya bahasa Melayu itu sangat sistematis dan logis. Dalam pengucapan selalu digunakan imbuhan-imbuhan yang wajar.
- v) Kata-kata daerah yang tidak dikenal tidak digunakan dalam bahasa Melayu standard.³

Untuk melihat bunyi ucap dalam dialek Negeri Sembilan dan perbandingannya dengan bahasa Melayu standard, suatu data transkripsi sangat menolong:

Aksara Arab	Bunyi	Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
	i	itik	[itiʔ]	[iteʔ]
	e	leka	[leka]	[lɛko]
	ɛ	geser	[gesɛr]	[gɛsɛ]
	a	kata	[kata]	[katɔ]

³op. cit.

ج
 ح
 خ
 د
 ذ
 ر
 ز
 س
 ش
 ص
 ض
 ط
 ظ
 ق
 ك
 ل
 م
 ن
 و
 ع
 (ك)

a	sebab	[səbab]	[səbab]
o	kerang	[koraŋ]	[koŋaŋ]
o	pokok	[pokoʔ]	[pokoʔ]
u	buku	[buku]	[buku]
b	baja	[baja]	[bəʒa]
t	tapak	[tapaʔ]	[tapaʔ]
ɲ	nyanyi	[ʔaɲi]	[ɲaɲi]
ʔ	jari	[ʔaɾi]	[ʔaɾi]
č	cari	[čaɾi]	[čaɾi]
h	basah	[basah]	[basah]
x	khutbah	[xutbah]	[kotubah]
d	udang	[udaŋ]	[ʔudaŋ]
r	orang	[oraŋ]	[oŋaŋ]
z	zakat	[zakat]	[zakat]
s	sama	[sama]	[samo]
ʃ	syak	[ʃaʔ]	[ʃaʔ]
s	safar	[safar]	[soʔa]
ç	sia	(sejenis bakul)	[siç]
ɲ	nganga	[ɲaŋa]	[ɲaŋo]
ɣ	ramai	[ɣamai]	[ɣamay]
f	fakir	[fakir]	[pake]
p	patut	[patut]	[patut]
k	kacau	[kačau]	[kačaw]
l	lima	[lima]	[limo]
m	minum	[minum]	[minam]
n	nama	[nama]	[namo]
w	wayang	[wayaŋ]	[wayaŋ]
y	yang	[yaŋ]	[yaŋ]
g	gesing	[gasiŋ]	[gasiŋ]

Dalam transkripsi di atas dapat kita lihat bahawa ada bunyi dalam dialek Negeri Sembilan yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu standard dan sebaliknya. Beberapa aksara Arab tidak dimasukkan ke dalam senarai di atas kerana bunyi tersebut tidak berfungsi dalam bahasa Melayu atau telah disesuaikan dengan sebutan bahasa Melayu. Sebaliknya ada bunyi yang tidak terdapat dalam fonetik Arab, terdapat dalam bahasa Melayu, iaitu yang aksaranya ditandakan dengan ().

1.1 Vokoid

VOKOID dihasilkan dengan tidak membuat sebarang sekatan, hambatan atau rintangan kepada arus udara yang dipompakan dari paru-paru yang mengalir melalui rongga mulut ke bibir lalu keluar. Vokoid

itu lahir dengan lebih jelas dan lebih lantang jika dibandingkan dengan bunyi yang bukan bunyi vokal, kerana ketika vokoid itu diwujudkan, pita suara digetarkan.

Dalam dialek Negeri Sembilan, vokoid terdapat puncak kelantangan yang nyata, sama ada sebagai sukukata atau sebagai unsur dalam rentetan bunyi dalam satu sukukata.⁴ Bunyi vokal itu dapat memodifikasi bunyi yang bukan vokoid. Tingkat vokoid ditentukan dengan melihat kedudukan lidah ketika pengucapan dilakukan. Kedudukan lidah itu tinggi, agak tinggi, agak rendah dan rendah. Berdasarkan inilah vokoid itu dapat digolongkan kepada dua bahagian yang besar, iaitu vokoid depan dan vokoid belakang. Vokal-vokal yang menghasilkan vokoid itu ialah: [i], [e], [ε], [a], [u], [o], [ɔ] dan [ɑ].

Vokoid-vokoid ini tidaklah merupakan bilangan yang mutlak, kerana bunyi bahasa merupakan bunyi yang arbitrer atau sewenang-wenang dan kemungkinan bunyi itu bervariasi sangatlah besar.

1.2 Kontoid

KONTROID lahir kerana hambatan, sekatan, sempitan dan berbagai cara gangguan arus udara yang keluar dari paru-paru. Penglibatan alat artikulasi tertentu pada daerah artikulasi tertentu melahirkan bunyi yang tertentu pula. Kedudukan dan peranan alat artikulasi itulah yang membezakan kontoid dalam ujaran. Bunyi konsonan atau kontoid itu dapat dibahagi kepada enam kategori, iaitu: plosif, lateral, afrikat, frikatif, nasal dan semi vokal.

Cara pewujudan kata dalam dialek Negeri Sembilan mempunyai persamaan dengan cara pewujudan kata dalam dialek umum bahasa Melayu. Perbezaannya jelas kelihatan ketika berlaku variasi bunyi vokal atau bunyi konsonan pada kata-kata tertentu.

2. VARIASI VOKAL

BUNYI vokal dalam dialek Negeri Sembilan dapat dibahagi kepada dua bahagian, iaitu vokal tulen dan vokal yang dinasalkan. Vokal tulen ialah bunyi vokal yang bernada tinggi dan digolongkan kepada vokoid depan. Vokal-vokal tersebut ialah [i], [e], [ε] dan [a]. Sedangkan vokal-vokal [u], [o] dan [ɔ] digolongkan sebagai vokoid belakang. Vokoid-vokoid ini mengalami variasi dalam bahasa Melayu standard.

⁴Sharman Abu, "Satu Tinjauan Tentang Bunyi-bunyi Vokal dalam Dialek Negeri Sembilan", Majalah *Dewan Bahasa*, Jil. XVII, Bil. 12, Kuala Lumpur, Disember 1973, hal. 559.

- 2.1 **Vokoid [ə]**: Vokoid ini tidak terdapat dalam dialek Negeri Sembilan. Fungsinya digantikan dengan vokoid [ɔ], seperti pada kata-kata:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
Kedai	[kədai]	[kɔdai]
Petai	[pətai]	[pɔtai]
Kekal	[kəkai]	[kɔka]

- 2.2 **Vokoid [a]**: Vokoid ini berubah menjadi vokoid [ɔ] terutama apabila posisinya di akhir kata, misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
Kata	[kata]	[kɔtə]
Jika	[jika]	[jikɔ]

- 2.3 **Vokoid nasal**: Vokoid yang dinasalkan sama juga dengan cara menghasilkan vokoid tulen. Tetapi jika vokoid tulen dihasilkan dengan menaikkan langit-langit lembut ke atas dan menutup jalan udara ke rongga hidung, vokoid yang dinasalkan itu dihasilkan dengan menurunkan langit-langit ke bawah supaya udara yang dipompakan dari paru-paru akan keluar melalui rongga oral dan juga rongga nasal. Oleh itu vokoid yang dinasalkan ini dikatakan bunyi-bunyi yang non-distinguif, misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
mahu	[mahu]	[māū]
mana	[mana]	[mānɔ̃]

2.4 Kependekan

Pengucapan selalu dipendekkan dalam dialek Negeri Sembilan. Dalam dialek sebagai alat pertuturan harian untuk sesuatu kelompok pengguna, pengucapannya selalu disingkatkan. Pemendekan ini dilakukan melalui proses rentetan vokal, penghilangan vokal, peleburan vokal, menghilangkan sukukata awal dan menggantikannya dengan perkataan tertentu.

2.4.1 Rentetan Vokal

Rentetan vokal terjadi apabila menyebut perkataan yang terdiri dari dua sukukata disingkatkan bunyi pengucapannya dengan

menggugurkan konsonan tengah dan melahirkan rentetan dua vokal, misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
juga	[juga]	[ʔɔ]
lagi	[lagi]	[lai]
pergi	[pərgi]	[pɔi]

Dari contoh di atas dapat kita lihat apabila konsonan pada suku-kata akhir dihilangkan maka tinggalah vokoid tersebut berdiri sendiri. Pada contoh di atas konsonan yang dihilangkan itu ialah konsonan [g]. Tidaklah demikian halnya jika konsonan tengah itu terdiri dari konsonan lain, misalnya pada kata *laki* tetap disebut [laki], *tapi* tetap disebut [tapi] dan lain-lain.

2.4.2 Penghilangan vokal

Vokal pada imbuhan sering dihilangkan dalam pertuturan dialek Negeri Sembilan. Penghilangan ini berlaku apabila imbuhan itu di awal perkataan, misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
pemalu	[pəmalu]	[pmalu]
pemalas	[pəmalas]	[pmaləh]

2.4.3 Peleburan vokal

Peleburan vokal berlaku apabila suatu kata mengandung vokal rangkap pada awal perkataan. Penyebatian atau proses peleburan vokal rangkap itu berlaku dengan menggantikannya dengan suatu puncak kelantangan saja, misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
seekor	[seekor]	[sekɔ]
kuala	[kuala]	[kolɔ]

2.4.4 Menghilangkan sukukata awal

Untuk kelancaran dalam pertuturan, penyingkatan kata-kata ini berlaku juga dengan menghilangkan sukukata awal sesuatu perkataan, misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
begitu	[bagitu]	[gitu]
sekarang	[səkaraŋ]	[kaʃaŋ]

- 2.4.5 Terlalu umum bagi pengguna-pengguna dialek Negeri Sembilan kependekan kata yang apabila dilakukan ia berubah menjadi kata tertentu, tidak ada kaitan atau jauh daripada bunyi asal kata itu, misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
kalau	[kalau]	[koʔ]
oleh	[oleh]	[deʔ]
beri	[beri]	[baʔ]

2.4.6 Vokal Kataganti

Vokoid [ɛ] yang sering terdapat dalam penggunaan dialek Negeri Sembilan dapat berfungsi sebagai kataganti *nya*, misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
anaknya	[anaŋja]	[anaʔɛ]
rumahnya	[rumahja]	[yumaɦɛ]
bukunya	[bukujja]	[bukueɛ]

3. VARIASI KONSONAN

BEBERAPA konsonan dalam bahasa Melayu berubah bunyi pengucapannya dalam dialek Negeri Sembilan. Kontoid yang jelas mengalami variasi, antaranya, ialah:

[r], [s], [h], [t] dan [l]

3.1 Variasi dan pelepasan bunyi pada kontoid

- 3.1.1 Posisi [r] yang terdapat di pangkal atau di tengah kata, bunyinya berubah menjadi [ɣ]. Misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
ramai	[ramai]	[yaɲai]
ramah	[ramah]	[yaɦaɦ]
harap	[harap]	[haʃaɦ]

Vokoid [o] yang agak rendah membentuk suatu sukukata untuk melepaskan konsonan rangkap dan bunyi velar [r] itu, misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
pernah	[parnah]	[poɤnah]
cermat	[carmat]	[coɤmat]

- 3.1.2 Apabila [r] posisi yang terletak di hujung kata dalam dialek Umum Bahasa Malaysia, maka [r] tersebut akan luluh dalam dialek Negeri Sembilan; begitu juga berlaku pada imbuhan *ber, ter*, misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
gelar	[galar]	[gola]
besar	[basar]	[bosa]
berbaring	[barbaring]	[bobayɪŋ]
tertangkap	[tartangkap]	[totaŋkap]
perpaduan	[pəpaduan]	[poɤpaduan]

- 3.2 Kontoid [s] juga mengalami perubahan apabila diucapkan dalam dialek Negeri Sembilan. Perbezaan bunyi sebutan terjadi apabila posisi kontoid tersebut di akhir suatu kata.

- 3.2.1 Bagi kata-kata dialek umum bahasa Melayu yang berakhir dengan kontoid [s] yang didahului oleh vokoid [i] dan [a], maka kontoid tersebut berubah menjadi kontoid [h], misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
habis	[habis]	[abih]
nipis	[nipis]	[nipih]
baris	[baris]	[bayih]
balas	[balas]	[baleh]
tebas	[təbas]	[tobeh]
beras	[beras]	[boɤeh]

- 3.2.2 Jika terdapat vokoid [u] sebelum kontoid [s] di akhir suatu kata, perubahan bunyi ketara sekali kelantangannya dengan ditambah suatu vokoid antara vokoid [u] dengan kontoid [s] pada kata tersebut, yang menghasilkan suatu morfem terdiri

daripada KVVK. Adanya vokal rangkap pada morfem itu menjelaskan lagi bunyi glotal [h] bagi menggantikan geser [s] dalam kata tersebut, misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
kabus	[kabus]	[kabuih]
ratus	[ratus]	[yatuhih]

Perubahan yang sama berlaku juga apabila terdapat vokoid [o] sebelum kontoid [s] pada posisi akhir kata, misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
boros	[boros]	[boyoih]

- 3.3 Apabila suatu kata berakhir dengan kontoid dental [t] dan vokoid sebelumnya ialah [a], maka vokoid itu bertukar menjadi vokoid [ɛ] dan kontoid [t] berubah menjadi kontoid [ʔ]. Misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
tempat	[tempat]	[tampeʔ]
lompat	[lompat]	[lompeʔ]
sempat	[sempat]	[sompeʔ]

Peraturan ini tidaklah menyeluruh digunakan dalam dialek Negeri Sembilan kerana dialek umum bahasa Melayu telah banyak mempengaruhi dialek Negeri Sembilan.

- 3.4 Kontoid hambat [h] pada awal kata dalam dialek umum bahasa Melayu akan luluh pada kata yang sama dalam dialek Negeri Sembilan. Misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
habis	[habis]	[abih]
halau	[halau]	[alau]

- 3.5 Penghilangan kontoid lateral [l] berlaku dalam dialek apabila kontoid tersebut di akhir suatu kata. Penghilangan tersebut dapat berlaku sebagai berikut.

- 3.5.1 Apabila suatu kata dalam dialek umum bahasa Melayu berakhir dengan kontoid [l] dan sebelumnya terdapat vokoid [a],

maka kontoid itu dihilangkan dalam dialek Negeri Sembilan. Misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
tebal	[tabai]	[toba]
gatal	[gatal]	[gata]

- 3.5.2 Jika kata dalam dialek umum bahasa Melayu itu berakhir dengan kontoid [l] tapi sebelumnya terdapat vokoid [u], maka kedua kontoid dan vokoid itu dihilangkan dan tempatnya digantikan dengan vokoid bunyi belakang yang agak rendah, iaitu vokoid [o], misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
betul	[bətul]	[boto]
bakul	[bakul]	[bako]

- 3.5.3 Jika kata dalam dialek umum bahasa Melayu itu berakhir dengan kontoid [l] tapi sebelumnya terdapat vokoid tinggi [i], maka kedua kontoid dan vokoid tersebut dihilangkan dan tempatnya diganti dengan vokoid depan yang agak tinggi [e]. Misalnya:

Kata	Fonetik Dialek Umum Bahasa Melayu	Fonetik Dialek Negeri Sembilan
katil	[katil]	[kate]
cungkil	[cungkil]	[cungke]

4. KESIMPULAN

WALAUPUN bunyi pengucapan dialek Negeri Sembilan kedengaran berlainan dengan bunyi pengucapan dialek umum bahasa Melayu, namun bahasanya tetap sama dan dapat difahami oleh pengguna-pengguna bahasa Melayu dari daerah lain. Terjadinya dialek ini kerana pengaruh bahasa orang-orang yang pernah berhijrah, berasimilasi dan melakukan hubungan sosial dengan penduduk asal di Negeri Sembilan itu. Campuran bahasa penduduk asli dengan dialek pendatang melahirkan dialek Negeri Sembilan sekarang.

Disebabkan hukum bahasa itu disesuaikan maka pelbagai dialek dapat saling mempengaruhi. Dalam berjenis-jenis dialek dan sesuatu bahasa dapat bekerja beberapa hukum bahasa dan hukum-hukum bahasa dalam pelbagai dialek sering dipinjamkan. Oleh sebab itu dalam sesuatu bahasa mungkin didapati keragaman yang beraneka warna terhadap hukum-hukum

bunyi itu.⁵ Kerana itu jugalah kita dapati kata-kata dalam dialek Negeri Sembilan keragaman ini jelas dilihat, seperti pada kata [kecil] disebut [kaci?] dan hal ini nyata bertentangan dengan hukum 3.5.3 yang diberikan di atas.

Penghilangan kontoid yang banyak terdapat dalam dialek Negeri Sembilan ini tidaklah dianggap sesuatu yang ganjil kerana dalam setiap dialek atau bahasa, penyingkatan kata sering berlaku. Dalam bahasa Inggeris terdapat juga penyingkatan kata dalam penucapan dengan menghilangkan satu kontoidnya. Di Amerika Utara, terutama penduduk-penduduk di barat New England, mereka sering menghilangkan kontoid [r] terutama pada kata-kata *beard*, *barn* dan *war*.⁶ Dalam dialek Negeri Sembilan, kontoid yang dihilangkan ialah kontoid [r] dan [l]. Penghilangan itu tidaklah sama dengan cara yang berlaku dalam bahasa Inggeris. Penghilangan kontoid itu kadangkala diganti dengan vokoid yang rendah untuk melembutkan bunyi kata tersebut. Ternyata bahawa dialek Negeri Sembilan itu disesuaikan dengan keperibadian penggunanya yang tergolong dalam kelompok masyarakat yang lembut dalam sistem hubungan sosial dan kebudayaannya.

Bibliografi

Buku

- Abas, Drs. Lutfi, *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971.
- Hill, Archibald A, *Linguistics, Voice of American Forum Lectures*, America, United States Information Service, July 1969.
- Sapir, Edward, *Language, An Introduction to the Study of Speech*, New York: Harcourt, Bruce & World Inc. 1949.
- Slametmuljana, Prof. Dr, *Asal Bahasa dan Bahasa Nusantara*, Jakarta: P.N. Balai Pustaka, 1964.
- Sukaryaditisa, A. Siswa, *Bahasa dan Bangsa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1962.
- Wojowasito, Prof. Dr, *Linguistik, Sejarah Ilmu Perbandingan Bahasa*, Jakarta: Gunung Agung, 1959.

Majalah

- Abu, Sharman, "Sistem Bunyi-bunyi Konsonan Dalam Dialek Negeri Sembilan", *Majalah Dewan Bahasa*, Jil. XVIII, Bil. 6, Jun 1974.
- "Satu Tinjauan tentang Bunyi-bunyi Vokal dalam Dialek Negeri Sembilan", *Majalah Dewan Bahasa*, Jil. XVII, Bil. 12, Disember 1973.

⁵Prof. Drs. Wojowasito, *Linguistik, Sejarah Ilmu Perbandingan Bahasa*, Jakarta: Gunung Agung, 1959, hal. 167-168.

⁶Ravin I Mc. David Jr. *Linguistics, Voice of American Forum Lectures*, Voice of America, 1969, hal. 93.